

‘Kerajaan cari kaedah agar rakyat tak ikat perut’

BH- 4/7/2022 mlc: 4

PM bidas dakwaan pembangkang tidak bertindak tangani kenaikan kos sara hidup

Oleh Noor Hidayah Tanzizi
bhnews@bh.com.my

Pasir Salak: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memberi jaminan, kerajaan akan berusaha memastikan rakyat tidak akan diminta mengikat perut seperti dilakukan kerajaan Pakatan Harapan (PH) sebelum ini, dalam menghadapi isu kenaikan harga barang dan peningkatan kos sara hidup.

Perdana Menteri, memberi reaksi itu ketika membidas dakwaan pihak pembangkang yang kerajaan seolah-olah berpeluk tubuh dan tidak mengambil tindakan dalam menangani peningkatan kos sara hidup.

Tegasnya, kerajaan menyedari kenaikan beberapa harga barang, malah beliau sendiri turun membuat tinjauan rambang di premis perniagaan untuk melihat sendiri harga barangan.

Berikutan itu, kerajaan masih mengekalkan subsidi barangan asas, termasuk petrol dan diesel bagi memastikan rakyat tidak terbeban.

Minggu lalu, di Masjid Jamek, Kampung Baru, sebuah parti pembangkang mengadakan demonstrasi. Berbagai tuduhan dibuat seolah-olah kerajaan berpeluk tubuh dan tidak mengambil tindakan kos sara hidup meningkat.

“Kerajaan dahulu, rakyat kena ikat perut, tapi (kerajaan sekarang) kita cari kaedah agar rakyat tidak dibebani. Tidak pernah dalam sejarah kita bagi subsidi agar harga tidak naik. Kita subsidi harga sebanyak RM77.7 bilion, iaitu ayam, bahan api, elektrik, telur, minyak ma-



Ismail Sabri menandatangani Plak Perak Sejahtera 2030 sambil diperhatikan Saarani (dua dari kiri) selepas majlis perasmian penutup Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Negeri Perak, semalam. (Foto L Manimaran/BH)

sak dan air.

“Kita ambil tindakan jangka pendek, sederhana dan panjang untuk memastikan rakyat tidak terbeban dengan kenaikan,” katanya ketika berucap pada perasmian penutup Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Negeri Perak di Litar Dato’ Sagor di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad dan Ahli Parlimen Pasir Salak, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman.

Ismail Sabri berkata, Malaysia mengimport produk bahan makanan seperti makanan ayam dengan 70 peratus kos pengeluaran disumbang oleh bahan mentah itu yang boleh menyebabkan kenaikan harga ayam.

“Kita (beri) subsidi makanan dan harga ayam sebanyak RM700 juta untuk memastikan harga kekal RM8.90. Minyak masak RM4 bilion supaya harga minyak pek RM2.50 kalau tak RM9.50 sekampit (untuk) sekilogram.

“Subsidi tidak ditamatkan pada 1 Julai, cuma untuk *one off* minyak botol yang diperkenalkan pada Perintah Kawalan Per-

gerakan (PKP), tetapi sekarang sudah tamat (PKP) jadi tidak perlu lagi tapi mereka mengatakan kita tak buat apa-apa,” katanya.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, dilaporkan berkata, unjuran perbelanjaan subsidi kepenggunaan yang berjumlah RM77.3 bilion setakat ini bagi 2022 adalah jumlah subsidi tertinggi di dalam sejarah yang pernah ditanggung mana-mana kerajaan.

Unjuran subsidi kepenggunaan itu meliputi petrol, diesel dan gas petroleum cecair (LPG) (RM37.3 bilion); minyak masak (RM4 bilion); tepung dan elektrik bagi mengurangkan kos sara hidup rakyat, serta bil subsidi (RM9.7 bilion), tidak termasuk bantuan kebajikan lain.

Sementara itu, ketika menyentuh mengenai pembangunan dan kemajuan Perak, Ismail Sabri melahirkan rasa gembira dan berpuas hati terhadap pelbagai program yang dirancang dan dilaksanakan dengan baik.

“Saya gembira apabila kerajaan negeri memantapkan industri pelancongannya dengan menjenamakan Pangkor sebagai des-

tinasi pelancongan marin nautika melalui Penganjuran Pangkor International Marine Tourism Conference 2022 (PIM-TC22).

“Selain itu, ada 93 projek baharu dan sambungan, bagi pembangunan sekolah serta institusi pendidikan di Perak,” katanya.

Ismail Sabri berkata, Kementerian Sumber Manusia pula melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial kini membangunkan Pusat Rehabilitasi Neuro Robotik dan Cybernetics Kebangsaan di Bandar Meru Raya yang membabitkan kos sebanyak RM654 juta, menjadi satu-satunya negeri menawarkan kemudahan robotik ini.

Di bawah Pelan Pemulihan Nasional pula, menurutnya Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) melaksanakan beberapa program di Perak, yang menawarkan 56,642 peluang pekerjaan, manakala Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) menyediakan peruntukan RM1.77 bilion bagi memastikan keselesaan dan kesejahteraan penduduk luar bandar di negeri ini.